

# Bola sepak SG perlukan perubahan menyeluruh, sokongan semua



**ENCIK EDGAR THAM:** Kemahiran asas yang menyeluruh perlu ada untuk membangunkan seorang atlit yang berjaya, termasuk juga pemain-pemain bola sepak.

SATU rombakan besar mungkin perlu dilakukan jika pasukan bola sepak Singapura ingin memperbaiki ranking dunia.

Skuad Singa merosot ke tangga ke-173 – terendah bagi negara ini – dalam ranking terbaru Fifa yang dikeluarkan baru-baru ini.

Oleh itu, dalam usaha Persatuan Bola Sepak Singapura (FAS) cuba mempertingkat pentadbiran mereka, beberapa perkara harus dititikberatkan seperti mewujudkan laluan pembangunan pemain yang mantap serta melaksanakan sistem sokongan yang lebih baik untuk para pemain.

Demikian antara usulan pakar psikologi ketika memberikan pandangan mereka tentang tahap bola sepak Singapura yang kian bertambah muram.

"Jika Singapura ingin meningkatkan kedudukannya, ia memerlukan satu perubahan yang menyeluruh. Sistem yang berkuat kuasa sekarang memang jelas tidak berfungsi dengan baik," kata Dr Emily Ortega, pensyarah program psikologi di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

"FAS perlu mewujudkan laluan pembangunan yang lebih berkesan untuk membentuk pemain muda dari kecil dan menguatkuaskan sistem sokongan yang lebih baik agar dapat membantu pemain menjadikan bola sepak satu kerjaya yang padan."

Sistem sokongan lebih baik dan pentingnya kemahiran mental seiring pembangunan fizikal turut ditekankan

"Minat yang mendalam hanya boleh membantu atlit untuk mencapai tahap tertentu, namun tanpa sokongan yang cukup, ramai yang mungkin akan mencuba kerjaya lain dan berhenti bermain bola sepak," tambah beliau.

Memberi contoh, Dr Ortega, yang sebelum ini pernah bekerja dengan beberapa atlit terkemuka negara ini, menyentuh mengenai perkembangan pasukan Singa Muda Sukan Olimpik Belia (YOG) 2010 yang menjulang pingat gangsa dalam pertandingan tersebut.

Beliau, yang enggan gambarnya disiaran, menambah: "Lihat sahaja kekurangan kesinambungan pasukan bola sepak YOG yang pernah merasai kejayaan... mengapa-kah tidak lebih banyak dilakukan untuk mengekalkan dan menyokong para pemain dalam pasukan itu sejak kebelakangan ini?"

Persoalan sebegini menunjukkan bahawa sistem program pembangunan bola sepak di sini masih belum diberi tumpuan sewajarnya.

Dalam pada itu, pakar psikologi sukan dan prestasi, Encik Edgar Tham, pula berpendapat bahawa kemahiran asas yang menyeluruh perlu ada untuk membangunkan seorang atlit yang berjaya.

Pengasas syarikat SportPsych Consulting itu berkata:

"Selain daripada pendedahan kepada pertandingan antarabangsa, satu lagi perkara yang boleh dimanfaatkan oleh semua atlit adalah memastikan perkembangan kemahiran mental dilakukan seiring dengan pembangunan fizikal mereka."

"Kajian baru menunjukkan bahawa atlit elit mempunyai asas pergerakan fundamental yang kuat dan telah terdedah kepada pelbagai sukan berbeza sebelum mereka menghkususkan diri kepada sukan tertentu ketika mereka berada di peringkat sekolah menengah."

"Asas yang menyeluruh ini sangat bagus untuk membangunkan pemain bola sepak yang mempunyai pelbagai kemahiran. Ini

akan membantu persempahan dan kemahiran bermain sukan itu dalam jangka masa panjang," ujar Encik Tham.

Namun, baru-baru ini, FAS telah mengemukakan beberapa teras utama bagi merombak program ini, antaranya memperluas rangkaian pemain muda, termasuk menggalak penyertaan pemain pelbagai kaum, mempertingkat lagi mutu jurulatih dan menyediakan peluang bagi pemain n beraksi secara lebih kerap selain menyebut mengenai kemajuan dan kejayaan negara kecil lain seperti Iceland.

Pembaharuan ini mendapat sokongan kedua pakar psikologi itu dan Dr Ortega berkata:

"Iceland telah melakukan usaha yang sangat baik dan kebanyakan daripadanya disebabkan pelaksanaan program sukan yang diperkenal.

"Bukan hanya sekadar menggalakkan penyertaan sukan antara pemain muda tetapi menjadikannya sebagai sebahagian daripada budaya mereka, dan ini telah melahirkan sebuah pasukan bola sepak berprestasi tinggi yang mempunyai pemain padu."

"Ini menunjukkan bahawa perubahan pemikiran boleh membuat perbezaan yang sangat besar – apabila seluruh negara melibatkan diri dalam sukan dan menyokongnya sepenuh hati, apa sahaja boleh dicapai," ujarnya.